

10/06/1998

Tiada pengganti Waad: MB

M Noh Senan

JELEBU, Selasa - Kerajaan negeri tidak akan melantik pengganti bagi mengisi kekosongan jawatan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) berikutan peletakan jawatan oleh Datuk Waad Mansor, yang menghadapi lima tuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen di sini, 27 Mei lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata tidak perlu bagi kerajaan negeri menggantikan bekas Exco itu.

"Pada hemat saya, tidak timbul masalah dari segi pentadbiran berikutan kekosongan itu," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian memajukan kawasan seluas 2.8 hektar untuk projek perumahan/kedai di antara Majlis Daerah Jelevu dan sebuah syarikat swasta di sini, hari ini.

Menurutnya, Waad menemuinya pada malam sebelum beliau dihadapkan ke mahkamah dan menyatakan hasrat melepaskan jawatan dalam Exco, sebelum mengemukakan surat peletakan jawatan pada hari berikutnya.

"Maafilah tidak memberitahu (peletakan jawatan Waad) kepada anda sebelum ini kerana saya sudah maklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya beliau sendiri mengumumkannya," katanya menjawab pertanyaan mengapa baru hari ini, beliau menjelaskan perkara itu walaupun sering diajukan soalan yang sama sebelum ini.

Mohd Isa berkata, beliau akan mengambil alih portfolio yang disandang Waad sebelum ini, iaitu pendidikan, sumber manusia dan penerangan.

Berikutan peletakan jawatan itu, bermakna negeri ini sekarang mempunyai enam Exco selain Menteri Besar iaitu, Datuk Napsiah Omar, Datuk Lilah Yasin, Datuk Darus Salim Bulin, Datuk Goh Siow Huat dan Datuk Dr Yeow Chai Thiam.

Dalam kenyataannya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno malam tadi, Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Waad sudah mengemukakan surat peletakan jawatan sebagai Exco pada 27 Mei lalu.

Mohd Isa yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno negeri, berkata Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gemas, Datuk Yassin Bakar yang juga Timbalan Ketua Umno bahagian Tampin, memangku jawatan Ketua Umno bahagian itu berikutan Waad dibenarkan bercuti sehingga kesnya di mahkamah, selesai.

Waad yang menjadi Adun Gemencheh sejak empat penggal lalu, mengekalkan jawatan itu dalam pemilihan pucuk pimpinan bahagian itu beberapa bulan lalu.

"Memang ini amalan biasa dalam parti, timbalan ketua memangku jawatan ketua apabila kosong," katanya.

(END)